

Newspaper	Berita Harian
Date	15/08/2017B

NOTHING TO HIDE 2.0

# TPM sedih forum bertukar ganas

→ Kekasaran terhadap individu, tokoh tidak harus berlaku dalam sebuah negara demokrasi

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Hazwan Faisal Mohamad  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyuarakan kesedihannya terhadap kekecohan forum 'Nothing to Hide 2.0' anjuran Armada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di Shah Alam, kelmarin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kekasaran terhadap mana-mana individu atau tokoh ketika forum berlangsung seharusnya tidak berlaku dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi.

"Kita harap demokrasi dapat diterjemahkan dengan sebaiknya di negara ini, walaupun mungkin kita berbeza pendapat tetapi sebarang kekerasan terhadap mana-mana

individu ataupun tokoh tidak harus berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Kongres Sedunia Persatuan Penyelidikan dan Kejuruteraan Alam Sekitar Hidro Antarabangsa (IAHR) Ke-37 di sini, semalam.

Kelmarin, Forum 'Nothing to Hide 2.0' anjuran Armada PPBM bertukar kecoh, termasuk insiden melempar selipar dan botol kosong ke arah Pengerusi PPBM, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika beliau menjawab soalan berhubung tragedi Memali yang berlaku pada 1985.

Dalam kekecohan itu, kerusi dan suar turut dibaling ketika orang ramai sedang mendengar jawapan Dr Mahathir, menyebabkan penganjur menghentikan majlis itu.

Tiga remaja berusia 17, 18 dan 19 tahun ditahan reman empat hari bagi membantu siasatan polis me-



Keratan akhbar  
BH semalam.

BH - 15/8/2017  
Pg. 5

ngikut Akta Perhimpunan Aman, iaitu merusuh dan memiliki bahan letupan serta senjata berbahaya.

Mengenai dakwaan pihak tertentu kononnya kekecohan itu dilakukan oleh kumpulan pro-UMNO untuk mensabotaj forum berkenaan, Ahmad Zahid berkata polis akan melakukan siasatan terperinci.

## Polis jalankan siasatan

Katanya, beliau sudah mengarahkan polis untuk menjalankan siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya, termasuk melakukan pendakwaan jika terdapat salah laku oleh pihak terbabit, sama ada dalam parti berkenaan atau pihak luar.

"Saya memberi jaminan polis akan menjalankan siasatan mengikut prosedur operasi standard (SOP) dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak yang

mencetuskan kekecohan itu," katanya.

Beliau juga mengesahkan program itu mempunyai permit penganjuran daripada pihak berkuasa.

Sementara itu, Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengakui kegagalan pihaknya mengawal kekecohan berkenaan.

"Adalah sukar bagi kami untuk mengetahui atau mengenal pasti pihak yang cuba membuat kecoh kerana tidak mempunyai kemahiran sedemikian.

"Memang kita beri jaminan tidak akan timbul (kekecohan) tetapi kita tidak boleh pastikan jika ada pihak yang menyusup masuk, berpakaian seperti kita, tetapi ada niat yang tidak baik.

"Sebab itu kita minta polis membantu meredakan keadaan dan saya fikir mereka sudah memainkan peranan mereka," katanya.